

E-BULETIN

VOL. III | MAJLIS OPTIK MALAYSIA

20
23

AUDIT SURVEILANS
OPTIK DI SEKITAR
SELANGOR &
SARAWAK





Perutusan

Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Bismillahirrahmanirrahim.

*Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam Keluarga MOC*

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT atas limpah kurnia-Nya yang telah memungkinkan penerbitan e-Buletin Majlis Optik Malaysia (MOC) Edisi Ketiga. Saya sangat bersyukur kerana diberi kesempatan untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam edisi ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada sidang redaksi e-Buletin MOC atas dedikasi dan usaha gigih mereka. Penerbitan buletin ini adalah kebanggaan bagi MOC dan melambangkan komitmen kita dalam memupuk budaya kerja berpasukan.

e-Buletin ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat penting kepada pengamal optometri dan masyarakat umum, khususnya mengenai perkembangan terkini dalam bidang optometri. Harapan saya adalah agar e-Buletin MOC Edisi Ketiga ini menjadi sumber rujukan yang berguna dan bermanfaat.

Selain itu, e-Buletin ini juga berfungsi sebagai medium komunikasi untuk berkongsi maklumat terkini dari MOC dan program-program yang dilaksanakan. Ia turut memainkan peranan dalam mendidik masyarakat tentang kesedaran terhadap bidang optometri melalui penulisan ilmiah.

Tahniah sekali lagi kepada MOC atas kejayaan menerbitkan e-Buletin MOC Edisi Ketiga ini. Semoga buletin ini terus menjadi platform yang efektif dalam memupuk kesedaran di kalangan masyarakat tentang bidang optometri dengan kualiti yang bertambah baik.

Sekian, terima kasih.

DR. MOHAMED IQBAL BIN HAMZAH

Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Sekapur Sireh

*Assalamualaikum, salam sejahtera,
dan Salam Malaysia Madani,*

Alhamdulillah, setelah hampir setahun berlalu, kini hadir kembali e-buletin MOC Edisi Ketiga. Ini menandakan satu lagi babak dalam sejarah kita, merakamkan pelbagai memori sepanjang tahun 2023 di MOC. Tidak dapat dinafikan, e-buletin ini berjaya disiapkan hasil daripada kreativiti dan komitmen krew redaksi yang telah mengorbankan masa dan tenaga demi memastikan ia menjadi platform terbaik untuk penyampaian maklumat kepada pengamal optometri khususnya, dan orang awam amnya.



PN. NOR AZIZAH BINTI ISMAIL

Setiausaha
Majlis Optik Malaysia

*Syabas dan tahniah diucapkan
kepada seluruh krew redaksi.*

Sokongan padu daripada seluruh warga MOC terhadap setiap aktiviti yang dijalankan telah menjadi pemangkin kepada prestasi cemerlang sepanjang tahun 2023. Pelbagai transformasi telah dilalui oleh warga kerja MOC dalam usaha menonjolkan aktiviti-aktiviti menarik agar e-buletin ini lebih dekat di hati pembaca, serta padat dengan informasi yang berguna.

Saya percaya dan yakin bahawa krew redaksi berusaha keras untuk menjadikan e-buletin MOC ini yang terbaik pada setiap edisi, sesuai dengan matlamat utamanya sebagai medium untuk merakamkan kenangan berharga. Saya juga berharap e-buletin ini terus menjadi medium penyampaian maklumat semasa serta sumber informatif yang berharga.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada semua pihak atas sokongan yang berterusan terhadap setiap aktiviti yang dijalankan di MOC. Akhir kalam, semoga MOC terus berjaya dalam usaha memupuk kesedaran di kalangan pengamal optometri dan masyarakat tentang profesion ini, dan semoga segala usaha murni yang dilakukan diberkati dan dirahmati oleh Yang Maha Esa.

Sekian, terima kasih.

MAJLIS OPTIK MALAYSIA

Selar Hari
Ampit



Dari Meja Pengarang

*Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Madani.*

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya Majlis Optik Malaysia (MOC) berjaya menerbitkan e-Buletin MOC buat kali yang ketiga.

Selaras dengan intipati e-Buletin MOC sebagai perantara informasi, saya amat berharap e-Buletin MOC Edisi Ketiga ini dapat memberi perkembangan terkini dalam profesion optometri.

Saya amat mengalu-alukan pandangan yang membina bagi memantapkan lagi penghasilan e-buletin MOC di masa hadapan. Akhir kalam, saya mendoakan agar pada tahun 2024 ini kita semua dapat memberikan yang terbaik dalam kehidupan seharian kita, menjadi individu yang terbaik dan dikelilingi dengan insan yang baik.

Sekian, terima kasih



Penasihat

Pn. Nor Azidah Binti Ismail

Ketua Editor

En. Khairul Azfar Bin Ahmad

Editor

Pn. Siti Nazirah Binti Abd Rahim

Diterbitkan oleh

Malaysia Optik Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok E1, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

CODE OF PRACTICE FOR PROGRAM ACCREDITATION UNDERGRADUATE OPTOMETRY DEGREE/ OPTICIANRY DIPLOMA VERSION 2.0

Makluman berhubung penguatkuasaan dokumen ini telah dikeluarkan kepada pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Institusi Pendidikan Tinggi yang menawarkan program optometri/opticianri pada 2 Mac 2023.

Dokumen ini telah diluluskan oleh ahli MOC dalam Jawatankuasa mesyuarat MOC ke-80 untuk digunapakai sepenuhnya berkuatkuasa pada 1 Januari 2024 kepada program sedia ada yang telah mendapat perakuan akreditasi oleh MQA, manakala untuk penawaran program baru adalah berkuatkuasa pada 1 Mac 2023.



PENILAIAN ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING FOR CREDIT AWARD (APEL C)

Beberapa aktiviti berkaitan APEL (C) telah diadakan sepanjang tahun 2023 sepertimana jadual dibawah;

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Sasaran
1.	Taklimat pengisian borang penilaian sendiri oleh Penasihat APEL (C) MOC	6 April 2023	Juruoptik Berdaftar yang tamat <i>Bridging Program</i>
2.	Taklimat pengisian portfolio APEL (C)	1 Ogos 2023	Juruoptik Berdaftar yang terlibat dalam penilaian APEL (C)

SEKTOR PENDAFTARAN

Sektor pendaftaran bertanggungjawab dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan (APC) pengamal optometri iaitu optometris dan juruoptik di Malaysia.

PENDAFTARAN PENGAMAL OPTOMETRI

Bermula Januari 2023, sektor pendaftaran telah memperkenalkan prosedur pendaftaran baharu di mana pemohon diwajibkan untuk hadir ke taklimat pendaftaran sebelum dibenarkan berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia (MOC).

Sebanyak 14 kali sesi taklimat dijalankan sepanjang tahun 2023 dengan mendaftarkan seramai 187 orang pengamal baharu.



Sesi semakan dokumen permohonan pendaftaran sedang dijalankan (kiri) manakala sesi taklimat pendaftaran kepada pengamal baharu (kanan)
(Sumber: Sektor Pendaftaran Majlis Optik Malaysia)

	Pengamal baharu 2023	Pengamal Berdaftar 2023	Mati & Bersara
Juruoptik	20	3497	234
Optometris	167	3017	16
Jumlah	187	6514	250

Jumlah optometris dan juruoptik berdaftar pada tahun 2023
(Sumber: Sektor Pendaftaran Majlis Optik Malaysia)

PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN (APC)

Bermula pada September 2023, MOC telah memperkenalkan sistem Malaysian Healthcare Practitioners' System (MHPS) bagi membolehkan pengamal optometri berdaftar membuat permohonan APC dan pembayaran secara dalam talian. Sistem MHPS merupakan sistem pendaftaran pengamal kesihatan yang turut diguna pakai oleh agensi lain seperti Majlis Pergigian Malaysia dan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu.

Selain dari membuat hebahan berkaitan sistem baharu ini di laman sesawang serta Facebook rasmi MOC, Unit APC dari Sektor Pendaftaran turut turun padang dengan membuka *booth* bagi membantu pengamal menggunakan sistem MHPS dengan kerjasama penganjur program yang berikut:

- * Program Continuing Professional Development 2023 (anjuran Malaysian Association of Practising Opticians, MAPO) bertempat di Hotel Concorde, WP Kuala Lumpur
- * Program anjuran Sarawak Optical Traders Association(SOTA) bertempat di Hotel Pullman, Sarawak



Pembukaan booth APC di program CPD 2023 anjuran MAPO di Hotel Concorde, WP Kuala Lumpur
(Sumber: Sektor Pendaftaran Majlis Optik Malaysia)



Pembukaan booth APC dan MyCPD di program SOTA di Hotel Pullman, Sarawak
(Sumber: Sektor Pendaftaran Majlis Optik Malaysia)



Jumlah pengamal yang memperbaharui APC bagi tahun 2019 sehingga 2023
(Sumber: Sektor Pendaftaran Majlis Optik Malaysia)

JAWATANKUASA PENILAIAN, MAJLIS OPTIK

Jawatankuasa Penilaian MOC diwujudkan bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan pendaftaran pengamal dan amalan optometri di Malaysia. Pada tahun 2023, sebanyak tiga (3) mesyuarat JKP telah diadakan pada tarikh-tarikh berikut;

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Jawatankuasa Penilaian Bil.1/2023	07 Februari 2023
2.	Jawatankuasa Penilaian Bil.2/2023	15 Mei 2023
3.	Jawatankuasa Penilaian Bil.3/2023	07 September 2023



Mesyuarat JK Penilaian MOC Bil.2/2023
(Sumber: Sektor Pendaftaran Majlis Optik Malaysia)

PROFESSIONAL QUALIFYING ASSESSMENT (PQA)

MOC bersama Pertubuhan Akademi Optometri Malaysia telah berjaya mengendalikan PQA bagi mendaftarkan graduan bidang opticianri yang kelayakannya tidak tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Optik 1991 sebagai juruoptik berdaftar. PQA telah diadakan di Klinik Optometri UKM pada 9 September 2023 melibatkan seorang calon.



Penilaian Kelayakan Profesional (PQA) juruoptik bertempat di UKM
(Sumber: Sektor Pendaftaran Majlis Optik Malaysia)



SEKTOR ETIKA DAN AKTA


Sektor ini bertanggungjawab ke atas:-

- 1) Pelaksanaan gubalan Rang Undang-undang Optometri
- 2) Pindaan Jadual Akta Optik 1991 dan Peraturan-peraturan Optik 1994
- 3) Pengendalian aduan

ADUAN

MOC menerima aduan daripada pelbagai saluran termasuk melalui e-mel (eaduan.moc@moh.gov.my), surat dan telefon.

Jumlah aduan yang diterima dan diuruskan oleh MOC adalah seperti rajah di bawah;



- Tiada juruoptik & optometris berdaftar
- Melanggar Kod Tata Amalan Juruoptik & Optometris
- Jualan di premis bukan optikal
- Penjualan kanta lekap atas talian



Sumber: Sektor Etika & Akta MOC

AUDIT SURVEILANS OPTIK (ASO)

Sebanyak 90 buah premis optikal telah berjaya diaudit bagi menilai tahap pematuhan terhadap Akta Optik 1991. Audit Surveilans Optik (ASO) adalah audit yang dijalankan secara berkala ke atas optometris dan juruoptik berdaftar yang menjalankan amalan optometri di premis optikal di Malaysia. Bagi tahun 2023, audit telah dijalankan di negeri Selangor dan Sarawak mengikut daerah terpilih yang telah ditetapkan.



Pematuhan Premis Terhadap Akta Optik 1991 Mengikut Daerah Audit Surveilans Optik 2023
(Sumber: Sektor Etika & Akta Majlis Optik Malaysia)



OPTOMETRIS BERDAFTAR
JURUOPTIK BERDAFTAR
BOGUS/ BUKAN ORANG BERDAFTAR

Jumlah Pengamal Berdaftar Yang Diaudit Audit Surveilans Optik 2023
(Sumber: Sektor Etika & Akta Majlis Optik Malaysia)



Audit Surveilans 2023
(Sumber: Sektor Etika & Akta Majlis Optik Malaysia)

BENGGKEL SIASATAN



Pada 22 - 25 Mei 2023 telah dijalankan satu bengkel asas siasatan di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam dengan kerjasama Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACCA). Bengkel ini bertujuan untuk memantapkan ilmu pengetahuan dan melatih pegawai perisik melalui kursus dan bengkel. Sejak tahun 2018, beberapa bengkel risikan telah dijalankan. Bengkel siasatan yang diadakan pada tahun ini adalah kesinambungan daripada siri bengkel risikan yang terdahulu. Bengkel asas siasatan ini telah dihadiri oleh 26 orang peserta.



Bengkel Siasatan 2023,
Sumber: Sektor Etika & Akta Majlis Optik Malaysia

JAWATANKUASA ADUAN TERHADAP PENGAMAL

Satu mesyuarat telah diadakan pada 31 Oktober 2023 di Bilik Mesyuarat MOC dengan dihadiri oleh ahli jawatankuasa yang terlibat. Hasil dapatan dari mesyuarat ini pihak sekretariat telah mengambil tindakan ke atas aduan-aduan yang diterima mengikut peruntukan yang terdapat di dalam Akta Optik 1991 dan Peraturan-peraturan Optik 1994 serta Kod Tataamalan Juruoptik dan Optometris.

PELANTIKAN AHLI MAJLIS OPTIK MALAYSIA DI BAWAH SEKSYEN 4(1) (C) AKTA OPTIK 1991

Dr. Mohd Aziz bin Husni, pakar oftalmologi telah dilantik oleh Menteri di bawah Seksyen 4(1)(c) Akta Optik bagi menggantikan Datuk Dr. Nor Fariza binti Ngah berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2023 hingga 30 September 2024.



SEKTOR KOMPETENSI

Sektor ini bertanggungjawab dalam pengurusan Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) bagi profesion optometris dan juruoptik serta menguruskan pengendalian peperiksaan kanta lekap bagi juruoptik berdaftar sebelum sijil kebenaran mempreskripsi dan mendispens kanta lekap dikeluarkan.

PEPERIKSAAN KANTA LEKAP BAGI JURUOPTIK BERDAFTAR

Seksyen 30 Akta Optik 1991 memperuntukkan kebenaran untuk mempreskripsi dan mendispens kanta lekap kepada juruoptik berdaftar yang telah lulus peperiksaan kanta lekap. Pada setiap tahun, Majlis Optik Malaysia akan menganjurkan Peperiksaan Kanta Lekap Bagi Juruoptik Berdaftar.

Bagi tahun 2023, peperiksaan telah dijalankan pada tarikh dan tempat seperti jadual di bawah;

Peperiksaan Kanta Lekap Bagi Juruoptik Berdaftar 2023	Tarikh	Tempat	Bilangan Calon
Teori	12 September 2023	Pusat Pengajian Optometri, Fakulti Sains Kesihatan UiTM Selangor	9
Amali	26 September 2023	kampus Puncak Alam	8

(Sumber: Sektor Kompetensi Majlis Optik Malaysia)



Peperiksaan Kanta Lepak (Amali) bagi Juruoptik Berdaftar 2023 bertempat di UiTM Puncak Alam
(Sumber: Sektor Kompetensi Majlis Optik Malaysia)

STANDARD, GARIS PANDUAN DAN PERKARA BERKAITAN PEPERIKSAAN KANTA LEKAP

Mesyuarat Conjoint Contact Lens Committee Bil.1/2023 bertarikh 29 Mei 2023 dan Bil.2/2023 bertarikh 17 Ogos 2023 telah membuat pindaan dan pengemaskinian terhadap lima (5) perkara berikut:

- 1) Terma Rujukan Conjoint Contact Lens Committee**
- 2) Modul Kursus Kanta Lekap Untuk Juruoptik Berdaftar**
- 3) Rubrik Peperiksaan Kanta Lekap (Amali) Bagi Juruoptik Berdaftar Di Bawah Seksyen 30(5) Akta Optik 1991**
- 4) Garis Panduan Permohonan Kebenaran Mempreskripsi & Mendispens Kanta Lekap Di Bawah Seksyen 30(4) Akta Optik 1991**
- 5) Garis Panduan Pengendalian Peperiksaan Kanta Lekap Di Bawah Seksyen 30(5)**

Pindaan ke atas 5 perkara di atas telah dibentang dan disahkan dalam mesyuarat JKP bertarikh 7 September 2023 dan telah diguna pakai dalam Peperiksaan Kanta Lekap Bagi Juruoptik

CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)

Bagi memastikan pembelajaran dan pembangunan profesional sepanjang hayat yang sistematik dalam kalangan optometris dan juruoptik berdaftar, MOC giat menggalakkan semua pengamal optometri untuk berdaftar dan aktif membuat tuntutan mata CPD dalam sistem myCPD2.0.

Jumlah permohonan program CPD yang telah disahkan adalah seperti di bawah;



Jumlah program/ event yang telah disahkan pada tahun 2023

Sumber: Sektor Kompetensi Majlis Optik Malaysia

SISTEM MATA CPD

Bermula Januari 2024, Majlis Optik Malaysia menggunakan Sistem Mata CPD yang baharu bagi profesion optometris dan juruoptik. Sistem Mata CPD yang baharu telah dipersetujui dan disahkan dalam Mesyuarat MOC ke-82, 23 Mac 2023.



2023

AKTIVITI

Sepanjang Tahun

Majlis Optik Malaysia



HARI PEMBUKAAN KERTAS UNDIAN PEMILIHAN AHLI MAJLIS OPTIK MALAYSIA 2023/2026



SESI TAKLIMAT BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN PENUH JURUOPTIK DAN OPTOMETRIS



*Mesyuarat Membincangkan
Penetapan Bidang Kepakaran Optometri
14 Februari 2023*



*20 Februari 2023 - Sesi taklimat pindaan
Akta Optik 1991 kepada YB Menteri Kesihatan
Dr. Zaliha Binti Mustafa
Turut hadir bersama Penasihat Undang-undang KKM
Tuan Yang Zaimy Bin Yang Ghazali
dan Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
Dr. Mohamed Iqbal Bin Hamzah*



*17 Februari 2023 - Mesyuarat Penilaian
Portfolio Accreditation of Prior Experiential
Learning For Credit Award APEL (C)*



*Mesyuarat Jawatankuasa
Teknikal Pengiktirafan (JTC) 1/2023*

23 Mac 2023 - Mesyuarat Majlis Optik Malaysia




22 Ogos 2023

Mesyuarat Perbincangan Terhadap Kertas Cadangan Mengiktirafkan Optometris Swasta Sebagai Optometris Komuniti Melalui Peranan Sebagai Primary Health Care Provider Dalam Penjagaan Mata Primer



5 September 2023 - Mesyuarat APEL C



16 Oktober 2023 - Sesi libat urus MQA bersama badan professional di Bangi Resort Hotel, Selangor



27 Oktober 2023

Taklimat berhubung fungsi-fungsi Majlis Optik Malaysia dan digital signature kepada Ketua Pengarah Kesihatan



25 Oktober 2023 - Audit Dalaman MS ISO




31 Oktober 2023
Mesyuarat Jawatankuasa Aduan



9 November 2023
Pertandingan Bowling
Bahagian Amalan Perubatan



Sambutan Kemerdekaan Ke - 66





Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2023



Majlis Persaraan Puan Zaleha

**BENKEL PENGGUNAAN SISTEM MHPS
MAJLIS OPTIK MALAYSIA
08-10 SEPTEMBER 2023**




**BENKEL PENGGUNAAN SISTEM MHPS
MAJLIS OPTIK MALAYSIA
08-10 SEPTEMBER 2023**




Bengkel Penggunaan Sistem MHPS

Kursus Bahagia Bekerja Transformasi Spiritual & Emosi



Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Blok E1





*Sambutan Hari Lahir Kakitangan
Majlis Optik Malaysia*





Majlis Perpisahan Puan Najjah



Majlis Optik Malaysia

Sebarang Info Lanjut, sila layari : <https://hq.moh.gov.my/moc/>

 **Majlis Optik Malaysia BAP**

 <https://www.tiktok.com/@majlisoptikmalaysia>

 <https://www.instagram.com/mockkm/>